



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
POLITEKNIK BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *General Legal Studies / International Legal Studies / Islamic Law and Legal Practice / Law / Law and Policy / Legal Studies / Public Policy / Public Policy and Administration / Public Policy and Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang *General Legal Studies / International Legal Studies / Islamic Law and Legal Practice / Law / Law and Policy / Legal Studies / Public Policy / Public Policy and Administration / Public Policy and Management* atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada).
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan (ii) dan (iii) akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu dalam memberi khidmat nasihat mengenai dengan hal ehwal perundangan dan perolehan Politeknik Brunei;
2. Membantu dalam membuat perundingan mengenai kontrak, Memorandum Persefahaman, Memorandum Perjanjian, dokumen tender dan dokumen perundangan lainnya;
3. Membantu pihak-pihak berkenaan di Politeknik Brunei khususnya menyediakan pindaan dan nasihat ke atas perkara-perkara yang berkenaan dengan akta Politeknik Brunei dan undang-undang peraturan dan prosedur lain;
4. Membantu dan bekerjasama dengan pihak Politeknik Brunei / Jabatan / Kementerian lain dalam merangka dan mengkaji peraturan, dasar dan prosedur bagi memastikan peraturan-peraturan dan undang-undang dipatuhi;
5. Bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran kepada warga Politeknik Brunei mengenai dengan isu undang-undang yang berkaitan;
6. Menyelia aspek undang-undang hak harta intelek Politeknik Brunei;
7. Membantu dalam penyediaan dokumen-dokumen kontrak, tuntutan yuran pelajar dan surat lantikan pembekal yang berjaya;
8. Membantu dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan perolehan Politeknik Brunei termasuklah pelaksanaan iklan sebut harga;
9. Menjadi urus setia dalam mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga Politeknik Brunei;
10. Menjadi pengerusi atau setiausaha atau ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan mengikut ketetapan Pengarah; dan
11. Melaksanakan apa jua tugas yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.